# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 7 OGOS 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | KPKM SAMBUT BAIK SARAWAK BELANJA RM1 BILLION TANAM PADI, TV SARAWAK -ONLINE<br>KPKM CADANG DUA PED, PERSEDIAAN MALAYSIA PENGERUSI ASEAN 2025, SH -ONLINE<br>AGRICULTURE MINISTRY PROPOSES KEY TARGETS FOR NATION'S TERM AS ASEAN CHAIR, THE STAR -ONLINE<br>ASEAN COUNTRIES NEED TO COOPERATE TO ADDRESS REGIONAL AGRICULTURAL CHALLENGES, BERNAMA -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 5.<br>6. | PEKEBUN BUAH RUGI, TANAMAN DIROSAKKAN LEMBU, KERBAU, DALAM NEGERI, UM -33<br>ANIMAL CRUELTY RAMPANT DESPITE HIGHER PENALTY, NATIONAL, THE SUN -3 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 7. | APA NASIB PENTERNAK KUPANG SEBATU?, DALAM NEGERI, UM -35 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12. | MAQIS SERAH MAKANAN HAIWAN KEPADA PENJARA MACHANG, ASTRO AWANI -ONLINE<br>RAMPASAN 3,000kg KERATAN AYAM SEJUK BEKU JADI MAKANAN IKAN KELI, KEDAH GAZETTE -ONLINE<br>MAQIS SERAH MAKANAN HAIWAN BERNILAI LEBIH RM24,000 KEPADA PENJARA MACHANG, BULETIN TV3 -ONLINE<br>MAQIS KEDAH SERAH MAKANAN HAIWAN LEBIH RM24,000 KEPADA PENJARA MACHANG, MAJORITI.COM -ONLINE<br>MAQIS SERAH 3 TAN AYAM SEJUK BEKU KEPADA PENJARA, BH -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 13.<br>14.<br>15. | 14 TAN IKAN HABIS DALAM TEMPOH DUA JAM, NEGARA, KOSMO -1<br>14 TAN IKAN LICIN DUA JAM, LOKAL, HM -18<br>SANGGUP BERASAK, 14 TAN IKAN JABIS DIJUAL DALAM DUA JAM, DALAM NEGERI, UM -37 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 16.<br>17.<br>18. | TARIK SUBSIDI, TUTUP OPERASI JIKA SELEWENG DIESEL, DALAM NEGERI, UM -37<br>NELAYAN JUAL DIESEL DI LAUT DIBATAL SUBSIDI, NASIONAL, BH -6<br>'OVERHAUL NEEDED FOR JOHOR FISHING INDUSTRY', NEWS, THE STAR -5 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 19.<br>20. | LEMBAGA NANAS ANJUR KURSUS LATIHAN KEUSAHAWANAN MODUL PEMASARAN DIGITAL 2024, KOMUNITI KITA, UM -29<br>TANAM NANAS JANA HASIL PENJARA, NASIONAL, BH -9 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 21.<br>22.<br>23. | SUNGAI PAHANG KERING, DALAM NEGERI, UM -4<br>PENTERNAK IKAN RUGI RM122,000, NASIONAL, BH -20<br>24 PENTERNAK HILANG RM122K, MARAN, HM -25 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | TV SARAWAK | ONLINE | |

# KPKM SAMBUT BAIK SARAWAK BELANJA RM1 BILLION TANAM PADI



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# KPKM cadang dua PED, persediaan Malaysia Pengerusi ASEAN 2025



Mesyuarat Pegawai Kanan Khas Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Mengenai Pertanian dan Perhutanan Ke-45 (SOM-45th AMAF) ke-45 berlangsung pada hari ini di Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru, Malaysia.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mencadangkan dua keutamaan pencapaian ekonomi (PED) sebagai persediaan Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, ia bertujuan untuk mencapai pembangunan dalam sektor pertanian dan perhutanan yang lebih mampan selain mempertingkat serta mengukuhkan keselamatan makanan di rantau ASEAN.

Menurutnya, cadangan PED tahun depan adalah tepat pada masanya dan mencerminkan cabaran semasa yang dihadapi oleh ASEAN.

"PED dicadangkan ialah sejajar dengan tema “Growing Together: Advancing ASEAN Agriculture and Foresty Sustainable Development” yang menfokuskan dua bidang utama iaitu pertama pembangunan Pelan Tindakan Keselamatan Makanan (2026-2030), kesinambungan daripada Pelan Tindakan semasa Keselamatan Makanan (2021-2025).

"Yang kedua adalah menyentuh pembangunan pertanian dan perhutanan ASEAN yang akan melibatkan senario semasa serta memberikan pandangan tentang masa depan makanan, sektor pertanian dan perhutanan," ujarnya.

Terdahulu, Mesyuarat Pegawai Kanan Khas Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan Ke-45 (SOM-45th AMAF) ke-45 berlangsung pada hari ini di Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru, Malaysia.

Mesyuarat itu dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali.

Tambah kenyataan itu, Malaysia berharap kerjasama antara negara ASEAN dapat menangani kesan buruk perubahan iklim dan peningkatan isu keselamatan makanan.

"Selain itu, SOM-AMAF akan bertemu dengan Rakan Dialog ASEAN iaitu negara ASEAN Campur Tiga (China, Jepun dan Korea Selatan), India, Rusia serta lain-lain organisasi antarabangsa.

"Mereka juga akan berjumpa dengan pihak ketiga seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Majlis Negara-

Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dan Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (AS)-ASEAN," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/8/2024 | THE STAR | ONLINE | |

# Agriculture Ministry proposes key targets for nation's term as Asean chair




JOHOR BARU: The Agriculture and Food Security Ministry has proposed two Priority Economic Deliverables (PEDs) when Malaysia takes over the Asean chairmanship next year.

Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali said these aimed to achieve more sustainable development of the agriculture and forestry sector, as well as enhance and strengthen regional food security.

“The proposed PEDs next year are timely and reflective of current challenges faced by Asean," he told reporters here on Tuesday (Aug 6).

Earlier, he attended the Special Senior Officials Meeting of the 45th Meeting of Asean Ministers on Agriculture and Forestry (Special SOM-45th AMAF) here.

He said the PEDs, themed “Growing Together: Advancing Asean Agriculture and Forestry Sustainable Development”, focused on two main areas.

Lokman Hakim said they touched on the development outlook for Asean agriculture and provided insights into the future of the food, agriculture and forestry sectors.

He said the PEDs also involved the development of the Plan of Action on Food Security (2026-2030), a continuation of the current Plan of Action on Food Security (2021-2025).

“It is vital for Asean countries to work together to ensure food security and food safety given climate change and global warming," he added.

He added that member nations could not work in isolation as these phenomena are affecting countries all over the world and continuous efforts are needed to mitigate the situation.

Lokman Hakim said the grouping's members have to care for the collective agriculture and forestry ecosystem and address climate change.

“Embracing and investing in technology, and beefing up research and development activities are the way forward to develop, transform and strengthen Asean's agricultural sector," he said.

BERNAMA

English

type to start searching

GENERAL

# ASEAN Countries Need To Cooperate To Address Regional Agricultural Challenges

06/08/2024 08:06 PM




JOHOR BAHRU, Aug 6 (Bernama) -- ASEAN member countries need to work together to address various challenges in the agriculture sector, especially involving the issue of land shortages as a result of development and population growth.

Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali said that modern farming methods should be widely used because they are capable of increasing the productivity and quality of agricultural produce.

"The population density in all countries is increasing, so we need

land, whether agricultural or forestry, thus affecting the production of agricultural and food products," he said.

"Through modern farming methods, we not only help farmers, breeders and fishermen reduce costs but also increase production using existing space through capacity building and sustainable agricultural management."

Lokman Hakim told this to reporters after chairing the Special Senior Officials Meeting of the 45th Meeting of ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (SSOM-45th AMAF).

He said among the successes of modern farming in the country are the amount of padi production from twice a year to three times yearly in the same area through better seed technology and farm management.

According to him, modern farming methods also attract the interest of the youth to venture into the agriculture sector for the sake of securing the country's food supply thus making it a high-income career.

"An increasing number of youths venture to the agriculture sector and become role models. KPKM also provides various grants for young entrepreneurs, although this field is challenging but when they see the good results, many youths venture into this field," he said.

Regarding the three-day SSOM-45TH AMAF, which began today, he said the meeting was attended by delegates from 10 ASEAN countries to discuss cooperation to increase production and maintain the agricultural ecosystem for the security of regional food supply.

As host, Malaysia is chairing the meeting for a period of one year from October 2023 until October this year before Myanmar chairs the next meeting.

-- BERNAMA

*BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.*

*Follow us on social media :*
*Facebook : @bernamaofficial, @bernamatv, @bernamaradio*
*Twitter : @bernama.com, @BernamaTV, @bernamaradio*
*Instagram : @bernamaofficial, @bernamatvofficial, @bernamaradioofficial*
*TikTok : @bernamaofficial*

**KEYWORDS**

asean | agriculture | kpkm | ssom-45th amaf | lokman hakim ali

**RELATED NEWS**



**ASEAN On Positive Trajectory To Become World's Fourth Largest Economy By 2030 -- ASEAN Official**

10h ago



**Timah Tasoh Dam upgrades in phase 3, set for completion in 2026**

11h ago

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Pekebun buah rugi, tanaman dirosakkan lembu, kerbau

**BAGAN SERAI:** Seorang pekebun limau bali di Sungai Gedong di sini mendakwa kerugian besar apabila tanamannya dirosakkan lembu dan kerbau milik penduduk yang dibiarkan berkeliaran.

Chan Lye Soong, 63, berkata, haiwan tersebut merupakan ternakan penduduk berdekatan namun dibiarkan berkeliaran sehingga memasuki kawasan kebunnya.

"Biasanya bilangan lembu dan kerbau yang masuk ke kebun ini banyak, lebih 30 ekor. Haiwan ini menanduk pokok limau menyebabkan ada pokok yang mati manakala pokok yang berbuah pula akan gugur.

"Saya anggarkan rugi lebih RM200 sehari sepanjang musim berbuah kali ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Lye Soong, perkara ini sudah berlaku lebih dua tahun dan dia pernah melaporkannya kepada polis untuk tindakan lanjut dan polis memintanya membuat aduan kepada Jabatan Veterinar.

"Saya sudah pergi ke pejabat Jabatan Veterinar Bagan Serai, kemudian disuruh pula ke pejabat Veterinar di Parit Buntar untuk buat aduan. Namun tiada tindakan lanjut untuk menyelesaikan masalah ini," dakwanya

Menurutnya, dia juga pernah berbincang dengan penternak haiwan tersebut bagi menyelesaikan perkara itu dengan baik.

"Namun penyelesain gagal dicapai. Saya tidak mahu terus menanggung kerugian akibat lembu dan kerbau yang sering masuk ke kebun saya dan berharap pihak berkenaan supaya membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit yang juga Ketua Kampung Parit Mat Keling, Nor Pazli Samad, 44, berkata, haiwan ternakan yang dilepaskan tanpa dijaga turut mengancam keselamatan pengguna jalan raya di laluan Persekutuan Jalan Ipoh-Butterworth dan jalan kampung berhampiran.

Katanya, haiwan tersebut ada kalanya akan berkumpul di jalan kampung sehingga menyebabkan penduduk takut untuk keluar masuk.

"Diharapkan pentenak menjaga ternakan mereka sebaik mungkin. Saya juga berharap pihak berkenaan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini.

"Kita tidak mahu ada perkara yang tidak diingini berlaku disebabkan haiwan ternakan tanpa kawalan ini.

"Masalah ini perlu diselesaikan pihak yang berwajib bagi mengekalkan keharmonian warga setempat dan menjaga keselamatan awam," katanya.



CHAN Lye Soong (kanan) menunjukkan buah limau bali yang gugur dan Nor Pazli Samad menunjukkan laporan polis mengenai haiwan ternakan masuk ke kebun di Sungai Gedong di Bagan Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | THE SUN | NATIONAL | 3 |

# Animal cruelty rampant despite higher penalty

**Veterinary Services Dept received 2,600 complaints between January and June, with Selangor recording highest number**

BY **QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Paws Animal Welfare Society public relations officer Jonathan Yeoh said despite higher fines and jail terms, animal cruelty continues alarmingly in Malaysia.

Malaysia passed the revised Animal Welfare Act in 2015 following calls from animal protection groups for stronger animal welfare legislation.

The Act increased the penalty for cruelty from a maximum fine of RM200 and/or up to six months' jail to a fine of between RM20,000 and RM100,000 and/or up to three years' jail.

Section 30 states that no animal may be killed by use of a firearm unless authorised by a veterinary authority in an emergency or for disease control.

Former Agriculture and Agro-Based Industry minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said dogs are listed among animals that may not be shot by local authorities and those who do so could be fined up to RM100,000.

However, local councils in many states have flouted the law and killed stray animals, especially dogs, by shooting them.

In one case on Nov 4, 2021 in Kampar, Perak, animal rights group Persatuan Pencinta Haiwan Jalanan Kampar reported receiving messages from feeders and concerned individuals that there was a spate of dog shootings by the Kampar District Council over two weeks.

In a 2023 incident, a teenager was caught on camera hitting a stray dog and setting it on fire. Despite the severity of the act, he received a one year good behaviour bond and was granted bail of RM10,000.

"Our enforcement of animal welfare laws is feeble. We must ensure cases are prosecuted and offenders do not get off lightly," said Yeoh.

Last week, the Veterinary Services Department reported that it received 2,612 complaints between January and June, with Selangor recording the highest number at 3,334, followed by Kuala Lumpur at 1,113 and Johor at 800.

The department said most abuse cases involved dogs, with 5,226, followed by cats with 1,900, horses with 178, rabbits with 157, birds with 122 and cows with 105.

Yeoh said although the number of cases is concerning, there has been an increase in public awareness regarding animal abuse as individuals are more informed and likely to report such cases.

"Advancements in technology and the use of social media allow individuals to share information, including evidence of abuse. This does not mean animal abuse is more prevalent but rather that more people are willing to report it."

He said acquiring a pet should not be a sudden decision influenced by cute pictures on social media and it is crucial to communicate this to ensure prospective owners are prepared for the commitment of caring for a pet.

Universiti Teknologi Malaysia psychology lecturer Prof Dr Siti Aisyah Panatik said common aspects observed in individuals who abuse animals include a history of having suffered child abuse.

"Psychopathy is another trait linked to animal abuse as the individuals often lack empathy, engage in manipulative behaviour and may derive enjoyment from inflicting pain on others.

"This enjoyment of suffering could extend to animals, which are often viewed as easy targets for cruel behaviour."

She said mental health issues, such as depression and anxiety, influence the likelihood of someone committing animal abuse as they may neglect their pets because they lack the interest or capability to care for them.

"Those suffering from post-traumatic stress disorder may display aggressive behaviours as a response to trauma and this sometimes involves harming animals."



The department said most cases of animal abuse involve dogs and cats. – *MASRY CHE ANI/THESUN*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Apa nasib penternak kupang Sebatu?

**Oleh HADI AB. MANAP**
hadi.manap@mediamulia.com.my



**PENTERNAK menunjukkan kupang yang tidak boleh dijual di perairan Sebatu, Jasin, Melaka. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD**

**JASIN:** Hampir empat bulan berlalu sejak larangan memakan dwicangkerang di negeri ini dikeluarkan Jabatan Perikanan, para penternak kupang di Sebatu, Merlimau di sini masih menanti jawapan bila mereka boleh menjual hasil laut itu seperti sediakala.

Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Jasin, Mohd. Sah Hasim berkata, sudahlah kehilangan sumber pendapatan bulanan dan terpaksa menanggung kerugian puluhan ribu ringgit akibat kematian ternakan, bantuan untuk meringankan beban nelayan terlibat juga belum diterima sehingga kini.

Ujarnya, ia termasuk bantuan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang dikatakan telah disalurkan dan bantuan kerajaan negeri seperti dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh, Jun lalu.

"Setakat ini masih tidak dibenarkan untuk kita keluarkan hasil oleh Jabatan Perikanan. Jawapannya masih sama, bacaan biotoksin masih berada pada paras tidak dibenarkan serta kupang tidak disahkan selamat untuk dimakan.

"Soal bantuan pula memang tidak dengar khabar berita termasuklah yang dikatakan disalurkan melalui LKIM. Kami masih menunggu bantuan-bantuan itu, kalau boleh percepatkanlah kerana jangka masa empat bulan itu bukannya sekejap.

"Ramai penternak terpaksa cari ikhtiar lain untuk sara diri. Empat bulan tidak boleh jual kupang, tiada pampasan. Kita minta pihak bertanggungjawab lihatlah isu ini terutama kumpulan penternak yang amat terkesan sejak April lalu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan negeri sedang memperhalusi bantuan untuk disalurkan kepada penternak kupang dan kerang yang terjejas susulan larangan penjualan hasil laut itu.

Muhamad Akmal sebelum ini berkata, penternak terlibat telah menerima bantuan LKIM.

Tambah Mohd. Sah, bukan sahaja dirudum isu ternakan mati berikutan tidak boleh dijual, benih kupang juga kini tidak menjadi dipercayai kesan daripada aktiviti penambakan di Muar.

"Akibat masalah air, saya rasa akibat penambakan tanah pulau di Muar. Itu yang menyebabkan benih tidak menjadi. Kupang ini benih menjadi bila air tawar, bila air masin dan hakisan tanah dari sebelah sana mengakibatkan benih tidak menjadi," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Maqis serah makanan haiwan kepada Penjara Machang




*Sejumlah 3,000 kilogram keratan ayam sejuk beku diserahkan kepada pusat pemulihan tersebut bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli. - Gambar/ Maqis*

**ALOR SETAR:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah menyumbang bekalan makanan haiwan bernilai RM24,120 kepada Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Machang, Kelantan di pintu masuk Bukit Kayu Hitam, semalam.

Pengarah Maqis Kedah Hisham Abu Bakar berkata sejumlah 3,000 kilogram keratan ayam sejuk beku diserahkan kepada pusat pemulihan tersebut bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi agensi tersebut.

"Kesemua serahan ini adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan seperti tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Hishami, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap semua barang dagangan yang melibatkan isu biosekuriti terutamanya yang melibatkan aspek halal dan akan terus komited dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian di pintu masuk negara.

"Maqis juga akan terus memberi kerjasama dalam pelbagai aspek dan diharapkan usaha ini dapat membantu jabatan dan agensi yang memerlukan," katanya.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | KEDAH GAZETTE | ONLINE | |

# Rampasan 3,000 kg keratan ayam sejuk beku jadi makanan ikan keli




BUKIT KAYU HITAM – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah telah memberi sumbangan bekalan makanan haiwan bernilai lebih RM24,120 kepada pihak Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Machang, Kelantan di pintu Masuk Bukit Kayu Hitam, Selasa lalu.

Menurut Pengarah MAQIS Negeri Kedah, Hisham Abu Bakar, sejumlah 3,000 kilogram (kg) keratan ayam sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM24,120.00 telah diserahkan kepada pihak Pusat Pemulihan Akhlak itu bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah makanan ternakan ikan keli.

"Kemua serahan ini adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan seperti mana yang tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"MAQIS tidak akan berkompromi terhadap semua barang dagangan yang melibatkan isu biosekuriti terutamanya yang melibatkan aspek halal," katanya.

Dalam pada itu, pegawai MAQIS di pintu masuk negara akan terus komited dan tegas dalam melakukan penguatkuasaan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian.

Sehubungan itu, pihak MAQIS akan turut memberi kerjasama dalam pelbagai aspek dan diharap usaha ini dapat membantu jabatan dan agensi yang memerlukan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | BULETIN TV3 | ONLINE | |

# MAQIS serah makanan haiwan bernilai lebih RM24,000 kepada Penjara Machang




**ALOR SETAR:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah menyumbang bekalan makanan haiwan bernilai RM24,120 kepada Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Machang, Kelantan di pintu masuk Bukit Kayu Hitam, semalam.

Pengarah MAQIS Kedah Hisham Abu Bakar berkata sejumlah 3,000 kilogram keratan ayam sejuk beku diserahkan kepada pusat pemulihan tersebut bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi agensi tersebut.




"Kesemua serahan ini adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan seperti tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Hishami, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap semua barang dagangan yang melibatkan isu biosekuriti terutamanya yang melibatkan aspek halal dan akan terus komited dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian di pintu masuk negara.

"MAQIS juga akan terus memberi kerjasama dalam pelbagai aspek dan diharapkan usaha ini dapat membantu jabatan dan agensi yang memerlukan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | MAJORITI.COM | ONLINE | |

# MAQIS Kedah serah makanan haiwan lebih RM24,000 kepada Penjara Machang




**Serahan itu dibuat hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang melalui proses undang-undang dan telah dilucuthakkan. — Facebook/MAQIS Kedah**

**JABATAN** Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah menyumbang bekalan makanan haiwan bernilai RM24,120 kepada Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Machang, Kelantan di pintu masuk Bukit Kayu Hitam pada Khamis.

Pengarah MAQIS Kedah, Hisham Abu Bakar berkata, sejumlah 3,000 kilogram keratan ayam sejuk beku diserahkan kepada pusat pemulihan tersebut.

Ini dibuat bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi agensi tersebut.




***Penyerahan makanan haiwan kepada wakil Penjara Machang. — Facebook/MAQIS Kedah***

"Kesemua serahan ini adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan seperti tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurut Hishami, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap semua barang dagangan yang melibatkan isu biosekuriti, terutamanya yang melibatkan aspek halal dan akan terus komited dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian di pintu masuk negara.

"MAQIS juga akan terus memberi kerjasama dalam pelbagai aspek dan diharapkan usaha ini dapat membantu jabatan dan agensi yang memerlukan," katanya. — ***Majoriti***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/8/2024 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# MAQIS serah 3 tan ayam sejuk beku kepada penjara




Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah menyerahkan sumbangan keratan ayam sejuk beku untuk dijadikan makanan ternakan kepada Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Machang, Kelantan di pintu Masuk Bukit Kayu Hitam, semalam.- Foto NSTP/Ihsan MAQIS

BUKIT KAYU HITAM: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah menyerahkan sumbangan bekalan makanan haiwan bernilai RM24,120 untuk dijadikan makanan ternakan di pusat pemulihan akhlak penjara.

Pengarah MAQIS Kedah, Hisham Abu Bakar, berkata sumbangan itu membabitkan lebih tiga tan keratan ayam sejuk beku yang diserahkan kepada pihak Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Machang, Kelantan di pintu masuk Bukit Kayu Hitam, semalam.

Katanya, sumbangan itu bagi memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi agensi terbabit.

"Untuk makluman, kesemua serahan ini adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucut hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan seperti mana yang tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"MAQIS tidak akan berkompromi terhadap semua barang dagangan yang membabitkan isu b[illegible]ekuriti terutamanya yang membabitkan aspek halal," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurut kenyataan itu, pegawai MAQIS di pintu masuk negara akan terus komited dan tegas dalam melakukan penguatkuasaan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian.

MAQIS berharap usaha itu dapat membantu jabatan dan agensi yang memerlukan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |



SEBAHAGIAN pengunjung berebut membeli ikan pada harga murah ketika program Jualan Agro Madani di pekarangan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.

# 14 tan ikan habis dalam tempoh dua jam

**HULU TERENGGANU** – Orang ramai tidak melepaskan peluang untuk membeli ikan pelbagai jenis yang dijual semurah RM4 sekilogram pada program Jualan Agro Madani di Kuala Berang di sini semalam.

Kesemua 14 tan ikan pelbagai jenis seperti cencaru, selayang, lolong, selar kuning, cencaru dan aye tersebut laris dijual dalam tempoh kurang dua jam.

Salah seorang pengunjung, Wan Noraida Wan Abdullah, 42, berkata, dia tidak menyangka lokasi penganjuran Jualan Agro Madani sudah sesak seawal pukul 7 pagi lagi.

"Bersesak juga saya tadi dan terpaksa beratur panjang selama kira-kira setengah jam untuk membeli beberapa jenis ikan pada harga cukup murah.

"Saya juga membawa pulang daging burung puyuh yang dijual pada harga hanya RM1 seekor untuk keperluan lima ahli keluarga," katanya ketika ditemui di pekarangan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Berang di sini semalam.

Sementara itu, seorang peniaga ikan, Muhammad Zubir Yusof, 37, berkata, bekalan ikan segar tersebut diambil beberapa jeti pendaratan di negeri ini dan Kelantan termasuk Tok Bali, Pasir Puteh.

"Saya menawarkan ikan selayang, lolong, selar kuning serta cencaru pada harga RM4 sekilogram manakala RM7 sekilogram bagi ikan aye.

"Alhamdulillah sambutan sangat luar biasa sekali gus turut membantu golongan peniaga seperti saya," katanya.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Terengganu, Hasmila Abas pula, berkata, program Jualan Agro Madani kali ini melibatkan 30 usahawan agro seluruh negeri ini.

Beliau berkata, selain ikan, pengguna juga berpeluang membeli ikan, daging lembu dan beras kampit pada harga murah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |




ORANG ramai memenuhi gerai menjual ikan sempena Program Jualan Agro Madani Mega di pekarangan LPP Kawasan Kuala Berang.


Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my


JUALAN AGRO MADANI

# 14 tan ikan licin dua jam

**Kuala Berang**

Sebuah treler yang memuatkan pelbagai jenis ikan seberat lebih 14 tan metrik berjaya dijual dalam tempoh tidak sampai dua jam menerusi Jualan Agro Madani (JAM) di pekarangan pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Peniaga ikan, Muhammad Zubir Yusof, 37, dari Kampung Bintang, Setiu berkata, pelbagai jenis ikan seperti selayang, lolong, cencaru dan selar kuning dijual dengan harga serendah RM4 sekilogram dan ikan tongkol (RM7) sekilogram dibawa ke JAM itu.

Katanya, semua ikan yang diperoleh dari jeti dari dalam dan luar negeri itu dibawa menggunakan sebuah treler berikutan jumlahnya yang banyak.

"Alhamdulillah, sambutan diterima amat menggalakkan dan konsep menjual dengan harga yang rendah ini sudah lama kami terapkan dan ia mampu membantu orang ramai untuk mendapatkan hasil laut ini dengan harga yang murah.

"Insya-Allah, kami akan meneruskan jualan dengan harga yang murah bukan hanya di tapak JAM, tapi di kedai kami di Kampung Bintang yang turut menggunakan konsep yang sama," katanya ketika ditemui di JAM.

Muhammad Zubir berkata, pihaknya sudah menjangkakan berlaku peningkatan pelanggan menyebabkan stok ikan dibawa dalam kuantiti yang banyak.

Katanya, gerainya mula diserbu pengunjung seawal 8 pagi menyebabkan dia dan pekerjanya tidak menang tangan untuk menguruskan jualan.

Sementara itu, Pengarah LPP Terengganu Hasmila Abas berkata, selain pelbagai jenis ikan, sebanyak 380 kilogram (kg) daging, 250 beg beras putih tempatan dan 1,000 kg ayam dijual pada JAM kali ini.

"Hari ini (semalam), daging dijual dengan harga RM26 sekilogram, manakala tulang RM24, ayam pula dengan harga RM6.99 sekilogram dan harga yang ditawarkan itu jauh lebih rendah.

"Kami mempunyai dua JAM iaitu satu biasa dan satunya mega, di sini (pekarangan LPP Kawasan Kuala Berang) adalah JAM Mega.

"Bagi JAM biasa, kami menyasarkan jualan sekitar RM60,000, manakala JAM mega pula, kami sasarkan hasil jualan boleh mencecah hingga RM120,000," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 37 |

Amaran LKIM kepada persatuan nelayan seluruh negara

# Tarik subsidi, tutup operasi jika seleweng diesel

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Persatuan nelayan di seluruh negara diingatkan tidak terlibat dalam aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi atau berdepan risiko dikenakan tindakan tegas.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya memandang serius isu berkenaan dan tidak teragak-agak menghukum nelayan yang terlibat termasuk menarik balik kelayakan untuk subsidi bahan api itu serta menutup operasi persatuan.

Katanya, LKIM sentiasa memantau aktiviti itu meskipun kesalahan melibatkan minyak diesel bersubsidi nelayan ketika ini masih terkawal.

"Berdasarkan kajian LKIM, tidak berlaku ketirisan ketara dan yang berlaku hanya kes terpencil dengan dua, tiga kesalahan direkodkan pada tahun ini," katanya ketika ditemui selepas Program Ramah Mesra Madani Pengerusi LKIM di Pelabuhan Chendering di sini, semalam.

Dalam program itu, Muhammad Faiz menyerahkan bantuan peralatan bernilai RM225,000 kepada 99 nelayan selain peruntukan RM300,000 kepada tiga persatuan nelayan kawasan bagi projek ternakan ikan.

Beliau turut memberi contoh sebuah stor haram di Sungai Besar, Selangor dan stesen minyak di Kerteh, Kemaman yang ditutup kerana menyeleweng minyak diesel bersubsidi pada Mac dan Mei lalu.

Tambahnya, Terengganu akan terus diberi perhatian khusus kerana potensinya dengan sumber laut yang banyak walaupun jumlah pendaratan ikan kelapan tertinggi dengan hanya 14,443 metrik tan pada 2023.

"Setakat Jun lalu, 6,516 metrik tan direkodkan di lapan kompleks LKIM seluruh Terengganu dan didorong kekurangan pengusaha kelas C dan C2," ujarnya.



SEBAHAGIAN pengunjung membeli ikan yang dijual pada program Jualan Agro Madani sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

# Sanggup berasak, 14 tan ikan habis dijual dalam dua jam

**HULU TERENGGANU:** Sebanyak 14 tan pelbagai jenis ikan habis dijual dalam tempoh kurang dua jam pada Jualan Agro Madani sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dekat sini, semalam.

Tinjauan mendapati orang ramai mula memenuhi pekarangan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Berang seawal pukul 7 pagi bagi mendapatkan ikan segar yang dibawa khas dengan treler.

Peniaga ikan, Muhammad Zubir Yusof, 37, berkata, kadar harga ditawarkan serendah RM4 sekilogram bagi beberapa jenis ikan seperti selayang, lolong, selar kuning serta cencaru dan RM7 untuk tongkol.

"Orang ramai sudah memenuhi tempat jualan sebelum kita mula berniaga pukul 8 pagi lagi dan tidak sangka dalam tempoh tidak sampai dua jam, pelbagai jenis ikan habis terjual.

"Bekalan ikan dibawa sempena program hari ini diambil dari beberapa lokasi termasuk Tok Bali, Kelantan. Bukan sekadar ditawarkan ikan segar kepada pembeli tetapi juga harga yang murah.

"Melalui program jualan sebegini bukan hanya meringankan beban pembeli tetapi secara tidak langsung membantu peniaga seperti saya," katanya ketika ditemui dalam program tersebut.

Pengunjung, Wan Noraida Wan Abdullah, 42, berkata, dia tidak melepaskan peluang mendapatkan ikan bagi keperluan lima ahli keluarganya kerana bahan mentah itu dijual dengan harga murah berbanding tempat lain.

"Saya sampai sekitar pukul 8 pagi, orang ramai sudah memenuhi tempat jualan ikan. Hasil berasak-asak lebih kurang setengah jam, saya akhirnya dapat membeli ikan diinginkan," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Nelayan jual diesel di laut dibatal subsidi

**Kuala Terengganu:** Nelayan yang terbabit dalam kegiatan menjual diesel di laut akan dibatalkan kelayakan subsidi, kata Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Beliau berkata, arahan penutupan premis juga akan diambil terhadap mana-mana pusat jualan diesel nelayan yang didapati menjalankan aktiviti penyelewengan.

"Kita akan ambil tindakan segera menutup premis jualan diesel nelayan jika terbabit melakukan ketirisan dan penyelewengan.

"Nelayan juga jika terbabit sama akan dibatalkan kelayakan untuk dapat subsidi.

"Bagaimanapun, daripada kajian kita, tidak berlaku ketirisan atau jualan ketara di laut seperti digembar-gemburkan sesetengah pihak.

"Kalau ada ia kes terpencil, sebab kos operasi terbesar nelayan adalah minyak iaitu 60 peratus," katanya selepas merasmikan Program Rahmah Mesra MADANI Bersama Nelayan di Pelabuhan Chendering, di sini, semalam.

Pada majlis yang turut dihadiri Pengarah LKIM Terengganu, Ahmad Nadzri @ Abdul Zaim Madri dan Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu) Mat Yassin Mohamed itu, Muhammad Faiz menyampaikan peralatan menangkap ikan bernilai RM225,000 kepada 99 nelayan dari seluruh negeri.

Sementara itu, Muhammad Faiz berkata, LKIM juga menyasarkan untuk membuka lima lagi Kedai Runcit Nelayan termasuk di Kedah dan Selangor pada tahun ini. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/8/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

JOHOR

# 'Overhaul needed for Johor fishing industry'

## Investing in modern farming methods can ensure sustainability for fishermen, says Kota Iskandar assemblyman

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

THE fishing industry in Johor needs investors who can help upscale the sector and make it more sustainable, says an assemblyman.

Datuk Pandak Ahmad, who is Kota Iskandar assemblyman, said the industry was under threat from pollution and climate change.

"Our fishing industries are divided into Zone A (0-5 nautical miles), Zone B (5-12 nautical miles), Zone C (12-30 nautical miles), Zone C2 (30 nautical miles to the border of the open seas or exclusive economic zones), and Zone C3, which is the Indian Ocean," he said.

"The problem we often face is that Zone A fishermen are forced to move into Zone B due to a lack of catch in their areas.

"They may not be as affected as Zone C fishermen during the monsoon season, but they are impacted by climate change and pollution, especially those who catch fish near development areas," said Pandak when contacted.

He said more sustainable methods, such as modern fish farming, should be introduced to these fishermen.

"We can open this offer to investors looking to expand their business in Johor, especially in the fishing industry, in line with initiatives under the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ)."

Pandak said the introduction of modern fish farms would help turn them into the main source of income for Zone A fishermen, with shoreline fishing becoming their part-time job.

"This will help 'overhaul' our fishing industry; and we can also reduce the risk of overfishing or catching juvenile fish, which is not sustainable," he said, adding that some shoreline fishermen had no choice but to fish in the open sea.




Pandak (right) releasing baby ikan siakap into the sea off Gelang Patah during an event in aid of Johor fishermen. — Courtesy photo



> "If we are to modernise our fishing industry, it should be done on a large scale."
> Datuk Jason Teoh Sew Hock

Environmental activist Datuk Jason Teoh Sew Hock told *StarMetro* that fish breeding would not be a viable option if the government did not address the main cause of fishermen's dwindling catch, namely pollution.

"During the monsoon season or rainy days, water flowing into the river and open ocean is often polluted, which can cause oxygen levels to drop.

"When this happens, nearby fish farms face the risk of their stocks dying, causing irreparable harm to the business.

"If we are to modernise our fishing industry, it should be done on a large scale, which will need Federal Government aid or at least investors who can help introduce such development."

Teoh said he initiated the "Wild Release Programme" in 2021, where fish fry was released back into the ocean to ensure a sustainable fishing industry.

"My target this year is to release 60,000 fish fry. As of June, we have released 42,000 fish fry from various species such as barramundi (*ikan siakap*) and red snapper (*ikan merah*).

"But again, it will be pointless if we do not address the issue of pollution," he added.

Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) Johor director Intan Suhaila Othman, when contacted by *StarMetro*, said all shoreline fishermen planning to go out into the open sea were reminded to always practise caution.

"They must wear or bring along a GPS tracker, in case they get into trouble," she said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | UTUSAN MALAYSIA | KOMUNITI KITA | 29 |

# Lembaga Nanas anjur Kursus Latihan Keusahawanan Modul Pemasaran Digital 2024

SERAMAI 30 orang peserta menyertai Kursus Latihan Keusahawanan Modul Pemasaran Digital 2024 anjuran Unit Pembangunan Usahawan (UPU), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Negeri Johor di Batu Pahat, baru-baru ini.

Ketua UPU, LPNM Johor, Ma'som Abdul Jalal berkata, kursus selama dua hari itu disertai pengusaha tanaman nanas dalam negeri Johor bertujuan memberi pendedahan kepada mereka memasarkan hasil menerusi media sosial.

Katanya, modul yang diketengahkan itu diharap dapat memberi nilai tambah kepada peserta menggunakan media sosial sebagai salah satu medium untuk meluaskan skop pemasaran secara digital.

"Peserta diberikan tunjuk ajar termasuk perkongsian teknologi dan inovasi, cara pemasaran digital masakini, teknik dan praktikal menghasilkan video pemasaran serta cara-cara menggunakan medium media sosial untuk menarik minat pelanggan," katanya pada kursus yang diadakan di Batu Pahat, Johor.



■ PESERTA Kursus Latihan Keusahawanan Modul Pemasaran Digital 2024 anjuran LPNM Negeri Johor bergambar bersama Ma'som Abdul Jalal (duduk, tengah) selepas selesai kursus pengusaha tanaman nanas di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini. - UTUSAN/HAI ROZZAMAN JALAL

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Tanam nanas jana hasil penjara

## Inisiatif Penjara Seberang Perai kekang cubaan pencerobohan pihak tak bertanggungjawab

SAMBUTAN 100 TAHUN MAHA
MAHA 2024
11-22 SEPT. 2024 | MAEPS SERDANG, SELANGOR
mahaofficial.my
@kpkmmalaysia
@MAHAOfficial

KISAH USAHAWAN
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA

**Nibong Tebal:** Projek penanaman nanas yang diusahakan warga Kompleks Penjara Seberang Perai di Sungai Jawi, di sini pada awalnya bertujuan meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan penjara, kemudiannya beralih membawa kepada penjanaan ekonomi.

Inisiatif itu bermula sekitar tahun 2019 susulan terdapat cubaan menceroboh pagar penjara oleh pihak tidak bertanggungjawab. Keadaan ini mempengaruhi serta menjejaskan proses pemulihan prospek atau banduan yang sedang menjalani hukuman.

Inspektor Penjara Seberang Perai, Mohd Rosimi Idris, berkata pihak jabatan berperanan memastikan semua akhlak tahanan dapat dipulihkan semula sebelum mereka kembali kepada masyarakat apabila dibebaskan kelak.

"Kita amat mementingkan kawasan persekitaran penjara dikawal dengan rapi dan mengurangkan cubaan menceroboh pagar penjara oleh individu luar yang cuba (mengajak tahanan kembali membuat kesalahan).

"Ekoran itu, timbul idea untuk menanam nanas di sekeliling kawasan penjara. Usaha itu bukan sahaja melambatkan proses bolingan (barang larangan), tetapi berjaya mengatasi sepenuhnya kegiatan ini apabila tanaman itu menyekat mereka (pihak tidak bertanggungjawab) berbuat demikian," katanya di sini, baru-baru ini.

Mengenai penanaman nanas itu, Mohd Rosimi yang juga penyelia projek berkenaan berkata, terdapat dua varieti nanas, iaitu Moris dan MD2 ditanam di kawasan tanah penjara yang berkeluasan hampir 4.9 hektar.

"Penanaman dijalankan secara berperingkat dengan kepadatan 15,000 pokok (nanas) bagi setiap per ekar tanah.

"Dalam projek ini kita telah membabitkan 40 prospek (banduan) pada awal penanaman dibuat, sebelum ia berkurang kepada 10 ke 20 prospek pada satu-satu masa tanaman memandangkan teknologi yang telah berkembang.

"Namun, objektif kita membantu memulihkan prospek tetap berjalan apabila mereka yang terbabit dalam projek ini ditunggu oleh pihak pekebun nanas yang mahu menggajikan mereka sebaik keluar dari penjara," katanya yang turut memaklumkan projek terbabit juga membantu menjana pendapatan prospek ketika dalam penjara.

### Kualiti buah dijaga

Mohd Rosimi berkata, meskipun tanaman nanas diusahakan oleh tahanan penjara, kualiti buah tetap dijaga dengan baik sehingga ia mendapat permintaan tinggi.

"Kita mendapat bantuan daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang banyak menyokong, termasuk memberikan geran dan peralatan perniagaan dalam memajukan projek ini.

"Setiap prospek (banduan) yang terbabit dalam projek ini dipilih dan diberikan latihan serta kursus oleh LPNM bagi membantu meningkatkan ilmu kemahiran mereka dalam bidang pertanian.

"Hasilnya kita dapat menghasilkan kualiti buah nanas yang baik hingga tidak pernah berlaku lambakan buah. Kita juga berjaya menghasilkan produk hiliran berasaskan nanas terutamanya jus tanpa sebarang bahan pengawet," katanya.



*Mohd Rosimi (dua dari kiri) bersama Pegawai Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Pulau Pinang, Norfarahin Jasmani (kiri) melihat projek penanaman nanas yang diusahakan warga Kompleks Penjara Seberang Perai di Sungai Jawi.* (Foto Danial Saad/BH)

Sementara itu, wakil Pegawai LPNM Pulau Pinang memaklumkan pada peringkat permulaan, LPNM hanya memberikan bantuan benih dan geran, termasuk menganjurkan kursus modular kepada warga penjara termasuk prospek yang terbabit dalam projek berkenaan.

LPNM memulakan kerjasama ini dalam membantu prospek supaya mereka boleh diberikan peluang apabila mereka keluar dari penjara kelak.

Tambahnya, diharap projek penanaman nanas ini akan berterusan dalam memberi manfaat antara LPNM dan juga penjara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |



# Sungai Pahang kering

CUACA panas yang melanda negara sejak lebih sebulan lalu bukan sahaja mengeringkan sawah dan tasik tetapi juga sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia iaitu Sungai Pahang.

Walaupun hanya beberapa bahagian sahaja Sungai Pahang yang kering tetapi fenomena itu mengganggu aktiviti ekonomi penduduk seperti penangkapan ikan dan juga penternakan ikan dalam sangkar.

Menurut penduduk, mereka mungkin perlu menunggu sehingga dua bulan untuk sungai itu kembali mengalirkan air seandainya hujan lebat turun dalam waktu terdekat ini.

■ ABDUL Rahim Yaakob, berjalan kaki di 'dasar' Sungai Pahang bagi meninjau keadaan persekitaran sungai yang kering di Kampung Pesagi, Maran. – UTUSAN/ SHAIKH AHMAD RAZIF

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |



Nurmadihah menunjukkan ikan dalam sangkar yang semakin kekurangan air susulan Sungai Pahang surut melampau di Kampung Sanding, Maran. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

# Penternak ikan rugi RM122,000

## Patin pelbagai saiz mati susulan sungai Pahang surut, suhu air jadi panas

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

**Maran:** Air Sungai Pahang yang surut melampau menyebabkan 24 penternak ikan san kar di Kampung Sanding dan Chenor, dekat sini kerugian lebih RM122,000.

Setiap penternak mendakwa kerugian antara RM5,000 hingga RM48,600 apabila ikan pelbagai saiz yang diternak mati, yang turut disebabkan faktor air sungai berubah panas.

Seorang daripada mereka, Mohd Azmi Jamal, 41, berkata dia kerugian lebih RM38,400 apabila lebih 16,800 ikan patin pelbagai saiz yang diternak dalam 28 sangkar mati secara berperingkat sejak bulan lalu.

Menurutnya, insiden air Sungai Pahang surut melampau berlaku setiap tahun sejak tiga tahun lalu apabila musim kemarau dan penternak, termasuk dia dan adiknya tidak dapat berbuat apa-apa selain sabar dan reda.

"Kemarau kali ini lebih serius apabila banyak sangkar ikan berada di atas pasir, beting pasir muncul di beberapa kawasan sepanjang Sungai Pahang. Pada hari pertama Aidilfitri lalu, lebih 12,000 ikan patin dan tilapia dalam lapan sangkar mati," katanya.

Katanya, penternak ikan sangkar di daerah ini kini dalam dilema memikirkan musim kemarau yang berlaku setiap tahun dan semakin serius sehingga mendatangkan kerugian besar kepada mereka.

Adiknya, Nurmadihah, 34, berkata kini hanya empat unit sangkar yang boleh digunakan, selebihnya berada di atas pasir sejak dua bulan lalu dan antara 20 hingga 30 kilogram (kg) ikan patin serta tilapia diternak mereka mati setiap hari.

"Beting pasir di kawasan sangkar mula muncul bulan lalu secara berperingkat selepas Sungai Pahang mula cetek. Air sungai jadi panas, kualitinya juga merosot dan berbau busuk, lebih buruk apabila ikan yang masih ada dalam sangkar tidak boleh dimakan kerana berbau busuk, tak sihat.

"Ikan cedera, kulitnya luka dan bertukar warna menjadi putih," katanya yang turut mengusahakan warung makan di tepi Sungai Pahang di Kampung Sanding.

### Ikan tak sihat, berbau busuk

Katanya, kini terdapat kira-kira 500 ikan patin dalam empat sangkar dan mereka tidak bercadang menjual ikan berkenaan dalam masa terdekat berikutan keadaan ternakan itu yang tidak sihat dan berbau busuk.

"Benih ikan diberikan Jabatan Perikanan Pahang sebanyak 2,000 ekor bulan, dipercayai hanya tinggal sedikit kerana banyak yang mati berikutan air sungai panas, bertukar warna menjadi hitam serta berbau busuk.

"Kami tak sanggup lagi tanggung rugi setiap kali kemarau dan rancang alih sebahagian sangkar ke kawasan Sungai Pahang yang lebih dalam. Kawasan itu kira-kira 100 meter dari tempat sekarang," katanya yang bersama Mohd Azmi menyambung projek penternakan ikan arwah bapa mereka.



*Kelihatan beting pasir timbul di tengah Sungai Pahang berikutan air surut dan menjejaskan sangkar ikan di tepi sungai berkenaan.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2024 | HARIAN METRO | MARAN | 25 |

**Oleh Mohd Rafi Mamat**
am@hmetro.com.my



NURMADIHAH kerugian lebih RM38,400 selepas 16,800 ikan patin pelbagai saiz diternak dalam 28 sangkar mati secara berperingkat di Kampung Sanding, Maran. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

AIR SUNGAI PAHANG CETEK MELAMPAU

# 24 PENTERNAK HILANG RM122K

**Maran**

Fenomena air Sungai Pahang yang cetek melampau mengundang kerugian lebih RM122,000 kepada 24 penternak ikan sangkar di Kampung Sanding dan Chenor, dekat sini.

Setiap penternak kerugian antara RM5,000 hingga RM48,600 apabila ikan pelbagai saiz yang diternak mati apabila sangkar masing-masing berada atas pasir selain faktor air sungai menjadi panas.

Penternak, Mohd Azmi Jamal, 41, berkata, dia kerugian lebih RM38,400 apabila lebih 16,800 ikan patin pelbagai saiz yang diternak dalam 28 sangkar mati secara berperingkat.

Menurutnya, episod air Sungai Pahang surut melampau hingga sangkar ikan berada di atas pasir berlaku setiap tahun sejak tiga tahun lalu apabila musim kemarau berlaku.

"Penternak terpaksa berhadapan musibah itu dengan sabar dan reda.

"Kemarau atau El Nino kali ini lebih serius berbanding sebelum ini apabila banyak sangkar ikan berada di atas pasir, beting pasir berlaku di beberapa kawasan sepanjang Sungai Pahang.

"Ikan sangkar saya yang diusahakan bersama adik, Nurmadihah mula mati pada hari pertama Aidilfitri lalu apabila lebih 12,000 ikan patin dan tilapia dalam lapan sangkar mati," katanya di sini, kelmarin.

Menurutnya, penternak ikan sangkar di daerah itu kini dalam dilema memikirkan kemarau yang berlaku setiap tahun, kejadian itu semakin serius dan membimbangkan hingga mengundang kerugian besar pada mereka.

Bagi Nurmadihah, 34, kini hanya empat sangkar boleh digunakan, selebihnya terdampar atas pasir sejak dua bulan lalu.

"Sebelum ini, antara 20 hingga 30 kilogram (kg) ikan patin dan tilapia mati setiap hari.

"Beting pasir di kawasan sangkar ikan mula muncul bulan lalu secara berperingkat, sebelum ini paras air Sungai Pahang mula cetek hingga menyebabkan air menjadi panas seterusnya ikan mati.

"Laluan air ydi tepi sungai tempat sangkar ikan ditempatkan semakin cetek, faktor berkenaan menyebabkan ikan mati. Kualiti air juga merosot dan berbau busuk.

"Lebih parah ikan yang masih ada dalam sangkar tidak boleh makan kerana berbau busuk, ikan juga tidak sihat. Kulitnya luka, cedera dan bertukar warna menjadi putih," katanya yang turut mengusahakan warung di tepi Sungai Pahang di Kampung Sanding.

Menurutnya, kini ada 500 ikan patin dalam empat sangkar, dia tidak bercadang menjual ikan itu dalam masa terdekat berikutan keadaannya tidak sihat dan berbau busuk.

Nurmadihah berkata, benih ikan diberi Jabatan Perikanan Pahang sebanyak 2,000 bulan, dipercayai hanya tinggal beberapa ekor sahaja selepas mati kerana air panas dan bertukar warna menjadi hitam serta berbau busuk.

"Saya dan abang tidak sanggup menanggung kerugian setiap tahun setiap kali kemarau, kami merancang mengalih sebahagian sangkar di kawasan Sungai Pahang yang lebih dalam terletak 100 meter daripada tempat sekarang," katanya.



MUSIM kemarau saban tahun menjejaskan pendapatan penternak ikan sangkar.



DATARAN berpasir yang luas sehingga membentuk beberapa beting pasir dekat Sungai Tembeling, Jerantut